



UNIT PEMODENAN TADBIRAN
DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)

PKPA BILANGAN 4 TAHUN 2018

myPORTFOLIO

PANDUAN KERJA SEKTOR AWAM

LAYARI

<http://www.mampu.gov.my/ms/pengenalan-myportfolio-1>

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Hotline:
03-8872 6240

WhatsApp:
011-2144 2446

E-mel:
admin_myportfolio@mampu.gov.my

Waktu Operasi Bilik Gerakan:
8.30 pagi hingga 5.30 petang (Hari Bekerja)

PANDUAN KERJA SEKTOR AWAM

PKPA Bil. 8 Tahun 1991
Panduan Mengenai Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja



Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam
Bilangan 4 Tahun 2018



PKPA Bil. 4 Tahun 2018
myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam

Satu dokumen rujukan rasmi yang mendokumentasikan maklumat pewujudan sesuatu jawatan dan panduan menjalankan tugas bagi jawatan tersebut

Fokus terhadap aspek proses kerja (aspek maklumat korporat jabatan dimansuhkan)

Menyumbang kepada Profil Sumber Manusia Sektor Awam

KONSEP DAN PRINSIP myPORTFOLIO

Bertindak sebagai satu dokumen rujukan pada peringkat pegawai dan jabatan (Manual Prosedur Kerja dimansuhkan)

Turut berfungsi sebagai alat pengurusan ilmu



KELEBIHAN myPORTFOLIO



01

CARTA ORGANISASI

Carta atau rajah yang menunjukkan susunan program, aktiviti, sub-aktiviti dan gred serta bilangan jawatan yang terdapat dalam sesebuah organisasi.

02

CARTA FUNGSI

Rajah yang mengandungi keterangan tugas utama yang dilaksanakan oleh sesebuah organisasi.

03

AKTIVITI-AKTIVITI BAGIFUNGSI

Keja yang dijalankan di bawah fungsi meliputi aktiviti khusus dilaksanakan oleh sesebuah agensi dan aktiviti standard atau generik.

04

DESKRIPSI TUGAS

Dokumen rasmi yang menghuraikan sesuatu tugas secara spesifik.

05

PROSES KERJA

Senarai rangkaian tindakan yang perlu diambil secara berturutan mengikut peraturan yang ditetapkan dalam melaksanakan sesuatu aktiviti.

06

CARTA ALIR

Gambaran secara grafik atau gambar rajah ke atas tindakan-tindakan yang terlibat dalam sesuatu aktiviti.

07

SENARAI SEMAK

Satu alat perancangan dan kawalan kerja yang ringkas dan tepat mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil dalam mengendalikan sesuatu aktiviti.

08

SENARAI UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN PUNCA KUASA

Arahan-arahan rasmi yang perlu dirujuk oleh seseorang pegawai dalam melaksanakan tugas.

09

SENARAI BORANG

Senarai nama borang berkaitan tugas pegawai.

10

SENARAI JAWATANKUASA YANG DIANGGOTAI

Senarai ini membolehkan persediaan dan perancangan awal sesuatu mesyuarat yang akan dilaksana.

PENGUKUHAN

myPORTFOLIO

Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja telah digabungkan menjadi myPortfolio yang dimantapkan seperti berikut:



Elemen
Ditambahbaik

1. Format Carta Fungsi
2. Format Carta Alir
3. Format Borang
4. Format Proses Kerja
5. Format Senarai Punca Kuasa, Undang-undang, dan Peraturan
6. Memperkemas Takrifan
7. Memantapkan Aspek Pelaksanaan



Elemen
Baharu

Deskripsi Tugas/
Job Description (JD)



Elemen
Mansuh

1. Borang Tindakan Kerja
2. Norma Kerja
3. Senarai Tugas Harian

PERANAN AGENSI KERAJAAN

01

Menetapkan Bahagian yang bertanggungjawab untuk menyediakan, menyelaras dan memantau pelaksanaan PKPA Bil. 4/2018 di peringkat agensi.

- Bertanggungjawab memastikan setiap jawatan untuk mempunyai myPortfolio yang terkini.
- Melaksanakan pemantauan terhadap penyediaan dan pelaksanaan tugas berpandukan myPortfolio. Eg: mengadakan latihan dan audit secara dalaman.
- Memastikan myPortfolio dikemas kini apabila berlaku sebarang perubahan.
- Memastikan penjawat awam bertukar/ tamat perkhidmatan hendaklah menyerahkan myPortfolio kepada Ketua Agensi/ Pegawai Penilai Pertama/ Pengarah (berdasarkan *chain of command*) melalui penyelaras myPortfolio.

02

Menetapkan pegawai perhubungan agensi bagi tujuan komunikasi dengan pihak MAMPU.

03

Memastikan setiap warga agensi menyiapkan myPortfolio selewat-lewatnya pada 30 November 2018.

MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Hotline: 03-8872 6240
 WhatsApp: 011-2144 2446
 E-mel: admin_myportfolio@mampu.gov.my
 Waktu Operasi Bilik Gerakan:
 8.30 pagi hingga 5.30 petang (Hari Bekerja)

UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)

Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62502 Putrajaya Malaysia

